



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

SIARAN MEDIA

JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM) PERKASA PENDIDIKAN DAN KOMUNITI LUAR BANDAR MENERUSI PENYERAHAN PROJEK SEKOLAH ANGKAT MADANI

BEDONG KEDAH, 14 Disember 2025 – Warga Sekolah Kebangsaan (SK) Singkir hari ini menerima suntikan semangat baharu apabila Jabatan Standard Malaysia (JSM), sebuah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), menyerahkan projek naik taraf infrastruktur yang siap sepenuhnya menerusi inisiatif **Sekolah Angkat MADANI**.

Majlis penyerahan ini menandakan penyempurnaan projek menaik taraf dan baik pulih prasarana sekolah secara komprehensif. Ia merangkumi pembinaan **Dataran Kejat; pemasangan sistem siar raya (PA system) yang lebih efisien; pembinaan gelanggang bola tampar serta pemasangan pintu, tingkap, penghawa dingin dan water cooler**. Inisiatif ini direalisasikan khusus bagi melonjakkan kualiti infrastruktur pendidikan di kawasan luar bandar agar setaraf dengan fasiliti di bandar.

Mengulas lanjut, Ketua Pengarah JSM, YBrs. Encik See Chee Kong menyifatkan inisiatif tersebut sebagai satu usaha yang melangkaui aspek fizikal semata-mata, malah menjadi manifestasi sokongan padu jabatan terhadap aspirasi kerajaan untuk merapatkan jurang fasiliti pendidikan. Beliau turut menegaskan bahawa menerusi projek Sekolah Angkat MADANI ini, JSM komited untuk menjamin akses murid SK Singkir kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi memacu pembangunan sahsiah mereka.

Projek ini juga dilihat sebagai langkah strategik yang memberi tumpuan kepada pembangunan sosial dan kecemerlangan sekolah. Dengan adanya fasiliti sukan dan dataran perhimpunan yang sempurna, sekolah kini bersedia untuk berfungsi sebagai **hab komuniti pendidikan luar bandar**, selaras dengan agenda Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat secara holistik.

Majlis penyerahan simbolik projek telah disempurnakan oleh YBrs. Encik See Chee Kong kepada Puan Roslina binti Ahmad, Guru Besar SK Singkir.

Turut hadir memeriahkan majlis adalah wakil Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah, Encik Rosmira bin Saad; dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Yan, Tuan Haji Munawir bin Azizan.

Dengan siapnya projek ini, JSM berharap ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga SK Singkir dan komuniti setempat, sejajar dengan hasrat negara untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, sihat dan berdaya saing.

----TAMAT----

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
14 DISEMBER 2025**

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangunkan serta mempromosikan Standard Malaysia (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan pemeriksaan.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM
Telefon : 03-8008 2891
Faks : 03-8008 2901
E-mel : uks@jsm.gov.my